

29 MAC 2018

2 pasangan adik-beradik ditahan

38 setempat 29-03-2018

2 pasangan adik-beradik ditahan

Padang Terap: Dua pasangan adik-beradik ditahan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Padang Terap di dua lokasi di daerah ini, semalam.

Keempat-empat suspek berusia antara 15 hingga 39 tahun itu ditahan menerusi operasi khas di Kampung Perik dan Kampung Pong Utara di sini.

Ketua Pegawai AADK Padang Terap, Zainal Abidin Ismail berkata, bertindak hasil maklumat awam dan risikan, pihaknya menyerbu lokasi berkenaan.

Katanya, ketika operasi bermula jam 10.30 malam dan berakhir 2.30 pagi itu, anggotanya mendapat kerjasama ahli keluarga suspek.

"Kami menahan dua pasangan adik-beradik berkenaan yang disyaki penagih dadah," katanya.

Beliau berkata, suspek dibawa ke pejabat AADK Padang Terap untuk siasatan lanjut.

"Hasil ujian saringan air kencing mendapati mereka positif opiat dan methamphetamine," katanya.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983.

Dalam pada itu, Zainal Abidin berkata, masyarakat digesa membantu menyalurkan maklumat kepada AADK jika mendapati ada penyalahgunaan dadah di kawasan tempat tinggal mereka.